



PENGUMUMAN

SERAH SIMPAN MAKLUMAT PEMUNYAAN BENEFISIAL BAGI PLT BERMULA 30 MEI 2025

Adalah dimaklumkan bahawa bermula **30 Mei 2025**, semua Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) diwajibkan untuk melaksanakan serah simpan Maklumat Pemunyaan Benefisial (BO) secara dalam talian melalui platform *Electronic Beneficial Ownership System* bagi PLT(e-BOS LLP).

Pemakluman ini adalah selaras dengan Nota Amalan No. 5/2025 bertarikh **1 Mei 2025**. Akses ke sistem ini boleh dibuat melalui laman rasmi SSM (SSM4U) atau pautan berikut: www.ssm4u.com.my

PERINGATAN

Kegagalan oleh mana-mana pekongsi atau pegawai pematuhan untuk mematuhi kehendak ini adalah suatu kesalahan di bawah subseksyen 20B(6), Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, dan jika disabitkan, boleh dikenakan:

- Denda tidak melebihi RM20,000; dan
- Bagi kesalahan yang berterusan, denda tambahan tidak melebihi RM500 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan.

Pastikan pematuhan segera bagi mengelakkan tindakan perundangan.



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
28 MEI 2025